



TEKS UCAPAN

YBRS. Ts. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL.12 /2021

TARIKH:

30 DISEMBER 2021

TEMPAT:

DEWAN TUN ISMAIL

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih kepada saudari pengacara majlis.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah

Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah

Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK OTHMAN

Pengarah Kanan

Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi

YANG BERUSAHA DR. MUHAMMAD RAWI BIN MUHAMED ZIN

Pengarah Kanan

Program Pengurusan

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum WBT,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Nuklear Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya pada hari ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu dan berhimpun di **Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.12 Bagi Tahun 2021 yang dianjurkan oleh Bahagian Agroteknologi dan Biosains**. Terima kasih kepada semua keluarga Nuklear Malaysia yang hadir dalam perhimpunan pada pagi ini yang diadakan kembali secara fizikal. Namun, norma baharu bagi amalan penjagaan SOP dalam mengekang penularan wabak COVID-19 perlu sentiasa dipraktikkan dan jangan sesekali kita alpa.

Warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

2. Majlis 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia telah diadakan pada 9 hingga 12 Dis 2021 di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC). Pencapaian 100 hari ini berasaskan enam (6) teras iaitu:
 - a. menstruktur semula ekonomi;
 - b. menjamin keselamatan dan ketenteraman negara;
 - c. meningkatkan kesejahteraan sosial;
 - d. mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh;

- e. memperkukuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia; dan
- f. memperkasakan penyampaian perkhidmatan.

Aspirasi Keluarga Malaysia 100 diukur berasaskan Perkhidmatan Teras Kementerian (50%), Penilaian Prestasi Menteri (25%) dan Persepsi Awam (25%) terhadap Menteri dan Kementerian. Ahli Jemaah Menteri telah mencapai sekitar 90 peratus. Antara pencapaian yang telah dilaporkan oleh MOSTI ialah kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan kerjasama bersama KKM dan juga Benih Padi IS21. Seperti yang diketahui Benih Padi IS21 merupakan produk BAB dan Nuklear Malaysia yang dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos penanaman. Tahniah diucapkan kepada para penyelidik yang terlibat.

SELAYANG PANDANG – TAHUN 2021 BAKAL MELABUH TIRAI

Keluarga Nuklear Malaysia yang dikasihi sekalian,

3. Tahun 2021 bakal melabuhkan tirainya dalam beberapa hari sahaja lagi. Walaupun pelbagai dimensi situasi di Malaysia

berlegar dalam tahun 2021 ini, kita sebagai penjawat awam perlu terus mendukung tekad untuk berkhidmat demi negara Malaysia yang tercinta.

4. Sebagai jentera Kerajaan, kita sentiasa sedaya upaya melaksanakan semua dasar dan arahan yang telah diputuskan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat terutama dalam tempoh yang sangat mencabar ini.

PROJEK R&D NUKLEAR MALAYSIA

5. Seperti diketahui, Pihak RMC telah berjaya melaksanakan Sesi Pembentangan Kemajuan Projek R&D Nuklear Malaysia secara dalam talian selama 4 hari yang merangkumi projek dalaman, dana MOSTI, dana KPT, dana pembangunan, IAEA, FNCA dan sebagainya. Syabas kepada pihak RMC dan semoga semua penyelidik mengambil maklum komen-komen penilai dan sentiasa berusaha meningkatkan mutu penyelidikan.

PAMERAN PERDANA TEKNOLOGI NUKLEAR 2021

4. Tahniah juga diucapkan kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah menjayakan Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 dengan tema “STIE Nuklear: Teguh Mendepani Krisis” pada 13

hingga 14 Disember 2021. Pameran Perdana Teknologi Nuklear yang merangkumi aktiviti Hari KM, Hari Inovasi dan Kreativiti, Hari Pelanggan dan Quality Management Symposium ini mendapat sambutan yang luar biasa dan telah diadakan dengan jayanya.

BENCANA BANJIR MELANDA LEMBAH KLANG

5. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan takziah kepada warga Nuklear Malaysia yang terkesan dengan banjir yang berlaku baru-baru ini. Terima kasih atas usaha Kelab Nuklear dan PUSPANITA Nuklear Malaysia yang telah mengumpulkan sukarelawan bagi melaksanakan misi banjir ini. Terima kasih kepada warga Nuklear Malaysia juga di atas segala bentuk bantuan yang telah diberikan. Semoga semangat kekeluargaan kita semua berkekalan dan dirahmati Allah s.w.t.

6. Prihatin terhadap nasib warga Nuklear Malaysia yang terkesan dengan bencana banjir ini, pihak MOSTI telah menyalurkan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada Nuklear Malaysia untuk disumbangkan kepada mereka yang terlibat. Saya berharap agar sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

SUCCESS STORY BAB TAHUN 2021

6. Pada tahun 2021, BAB telah memperolehi pencapaian yang amat memberangsangkan walaupun berdepan dengan kekangan disebabkan oleh COVID-19. Antaranya, BAB telah mencapai kejayaan utama dalam bidang biak baka mutasi dengan penganugerahan *Outstanding Achievement Award in Plant Mutation Breeding and Associated Biotechnologies* oleh FAO/IAEA kepada Agensi Nuklear Malaysia. Saya sendiri telah menerima anugerah tersebut pada 20 September 2021 daripada IAEA Director General, Mr Rafael Mariano Grossi semasa *IAEA General Conference* yang ke-65 di Vienna. Selain itu, pasukan biak baka mutasi padi yang diketuai oleh Dr. Sobri Hussein telah berjaya menerima anugerah *Excellent Researcher-Breakthrough Prize 2021* di bawah platform *Forum for Nuclear Cooperation in Asia (FNCA)* untuk kategori pencapaian penyelidikan yang cemerlang dalam projek pembaikbakaan mutasi dari tahun 2016 hingga 2021.

7. Di samping itu, pada 20 November 2021 yang lalu, benih padi sah IS21 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di

Sekinchan, Selangor. Padi benih IS21 juga pernah diserahkan kepada petani di Rompin, Pahang sebagai salah satu projek CSR Agensi Nuklear Malaysia dan telah berjaya meningkatkan pendapatan petani sehingga 50%. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada pasukan penyelidik padi di BAB. Projek padi ini boleh dijadikan contoh kepada semua penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia agar terus cemerlang pada masa hadapan.

8. Produk BAB, Biobaja *Acinetobacter* sp. (M100) telah memenangi *Silver Award* dalam *Seoul International Invention Fair* pada 1 hingga 4 Disember 2021 manakala produk biobaja Migrofas M99 telah dilancarkan pada 13 Disember 2021 ketika *Technology Preview & Showcase*, Nuklear Malaysia 2021. Pertukaran dokumen perjanjian kerjasama (MOA) antara Nuklear Malaysia dengan Enviro Clean Sdn. Bhd. bagi pengeluaran biobaja berasaskan kultur induk *Acinetobacter Baumannii* (AP1) secara komersial dan dengan EGI Biotek Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan Biobaja M99 (*Pseudomonas putida*) telah diadakan pada 13 Disember 2021 semasa *Technology Preview & Showcase* juga.
9. Dalam Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 yang telah dianjurkan pada 13 hingga 14 Disember 2021 baru-baru ini juga

menampilkan penglibatan BAB dalam menyertai pertandingan Hari KM serta Hari Inovasi dan Kreativiti. BAB telah memenangi juara keseluruhan Hari KM dan tempat kedua poster KM. BAB juga telah berjaya merangkul Anugerah Ketua Pengarah Nuklear Malaysia 2021 untuk produk Inovasi Teknologi Nuklear dalam meningkatkan hasil padi pesawah yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang diketuai oleh Dr. Sobri Hussein dan pada masa yang sama juga satu pingat emas, satu pingat perak serta satu pingat gangsa untuk produk inovasi serta booth terbaik telah berjaya diperolehi oleh bahagian BAB. Tahniah BAB.

10. Dari aspek penerbitan pula, BAB telah berjaya menghasilkan sebanyak 21 jurnal antarabangsa, 20 kertas kerja persidangan dan 2 buah artikel umum untuk tahun 2021. Selain daripada itu, BAB juga terlibat secara aktif di dalam penerbitan di media massa dan sosial. Antaranya, terlibat di dalam program Agropedia, terbitan RTM dan pelbagai artikel untuk liputan media di suratkhbar dan majalah tentang produk Biobaja serta benih padi IS21.
11. BAB juga turut membantu memupuk minat generasi muda dalam bidang Sains dan Teknologi Nuklear. Antaranya, YBrs. Dr. Azhar Mohamad dan Dr. Sobri Husein telah menjadi penasihat teknikal

bagi pelajar SMK Kuala Besut, Terengganu dalam Pertandingan IAEA “*Nuclear Science and Technology – Education Competition for Secondary Level Students and Teachers*” sehingga berjaya merangkul pingat juara dunia dalam pertandingan ini. Tahniah!

SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN KEBANGSAAN

14. Sempena Sambutan Hari Sukarelawan yang disambut pada 5 Disember 2021 yang lepas, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah terlibat sebagai sukarelawan sama ada secara langsung atau tidak bagi semua bentuk bantuan dan program kebajikan yang dilaksanakan untuk tahun 2021. Ini merupakan pencapaian yang sangat bermakna dan membanggakan Agensi Nuklear Malaysia kerana anda semua bersatu hati menggembeleng tenaga sebagai sebuah keluarga Nuklear Malaysia turun membantu kepada yang memerlukan tanpa mengira penat lelah.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI, NUKLEAR MALAYSIA

15. Sebentar lagi, saya akan melancarkan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Nuklear Malaysia 2021-2025. Untuk makluman semua, Nuklear Malaysia telah berjaya membangunkan dan

menerbitkan buku OACP ini yang merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi bagi mendepani masalah dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah serta buku ini akan menjadi aku janji bagi setiap warga Nuklear Malaysia kepada negara. Saya bersyukur kerana penerbitan dokumen ini terhasil daripada komitmen serta keazaman daripada semua lapisan pegawai di Nuklear Malaysia. Tahniah dan terima kasih.

16. Bagi memastikan kejayaan OACP ini, saya menyeru agar warga Nuklear Malaysia komited dan bertekad bagi memastikan segala inisiatif yang telah dibangunkan ini berupaya dilaksanakan Bersama-sama dengan telus, berintegriti dan bertanggungjawab. Sama-samalah kita menjalankan amanah dengan seikhlas hati untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terima kasih diucapkan kepada Bahagian Agroteknologi dan Biosains yang menganjurkan Perhimpunan Bulanan kali ke-12 dan yang merupakan

perhimpunan terakhir bagi tahun 2021. Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pagi kali ini termasuklah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) atas komitmen yang telah diberikan.

16. Saya berharap setiap warga Nuklear Malaysia dapat menjalankan amanah serta memikul tanggungjawab dengan sebaik mungkin demi kecemerlangan Nuklear Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh